

Jepun mula tunjuk minat terhadap silat

30 MAR 1991

KUALA LUMPUR — Jepun, yang lebih terkenal kerana seni mempertahankan diri seperti karate dan judo, kini berminat terhadap silat.

Seni silat, yang selama ini tertumpu di rantau Asia Tenggara dan beberapa negara Eropah, kini mula mendapat perhatian negara Matahari Terbit itu hasil persembahan kumpulan lima pesilat Malaysia, yang menyertai 'Minggu Seni Mempertahankan Diri Jepun', di beberapa bandar raya dari 13 Mac hingga 27 Mac lalu.

Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Rahman Hassan, yang mengetuai delegasi Malaysia untuk memperkenalkan silat ke negara itu, berkata persembahan mereka mendapat liputan luas rangkaian televisyen negara itu.

Delegasi pesilat Malaysia mengadakan pertunjukan di tiga tempat iaitu di Nippon Budokan Tokyo, Hiroshima dan Sumida di Tokyo.

"Ini satu petanda dan permulaan baik bagi Pesaka yang sedang berusaha giat membawa silat ke negara-negara di Asia Timur," kata Rahman kepada Bernama.

Katanya, Pesaka akan mengambil langkah membantu Jepun menubuhkan pertubuhan silat dengan menghantar jurulatih ke sana.

Pertunjukan dua tahun sekali itu, yang menyaksikan persembahan 25 jenis seni mempertahankan diri Jepun, adalah anjuran Yayasan Jepun dan Persatuan Seni Mempertahankan Diri Tradisional Jepun dan julung kali disertai oleh Malaysia.

Rahman juga berkata Pesaka masih menunggu kata putus dari Jawatankuasa Pe-

nganjur Sukan SEA Manila (Mansoc) berhubung penyer-taan silat olahraga dalam sukan dwitahunan, yang akan berlangsung dari 24 November hingga 5 Disember itu.

Setakat ini, Mansoc belum memaklumkan secara rasmi sama ada silat akan dimasukkan atau digugurkan daripada Sukan SEA, walaupun dalam senarai Sukan SEA yang dikeluarkan oleh Mansoc baru-baru ini, silat olahraga telah tidak disenaraikan.

Pertengahan bulan lalu, delegasi Malaysia, yang terdiri dari presiden Pesaka Tan Sri Muhammad Haji Mohd Taib, presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah dan Rahman Hassan telah ke Manila bagi membincangkan perkara itu dengan Mansoc. — Bernama.

Pesaka mahu MOM tegas

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) tidak mahu Majlis Olimpik Malaysia (MOM) hanya sekadar bercakap saja dalam usaha meyakinkan Filipina agar menyenaraikan silat olahraga pada Sukan SEA XVI Manila, November depan. — 7 APR 1991

Setiausaha Pesaka, Rahman Hassan, berkata MOM perlu meningkatkan usaha bagi

meyakinkan Majlis Olimpik Filipina (POC) dan Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Manila (Mansoc) agar silat disenaraikan semula.

Minggu (M) Silat olahraga seawalnya disenaraikan pada Sukan SEA Manila, tetapi digugurkan dalam satu mesyuarat khas sempena Sukan Asia Beijing, Oktober lalu dan ia digantikan dengan taekwondo dan wushu.

Katanya, Pesaka mahu kata putus sama ada silat layak atau tidak diterima agar tidak ada banyak pihak tertanya-tanya.

Rahman berkata, sewaktu rombongan Pesaka yang diketuai oleh Presiden, Tan Sri Haji Muhamad Haji Muhd Taib, ke Manila pada pertengahan Februari lalu, mereka sedia memberi jawapan pada akhir bulan itu.